

Mangsa syukur terima sumbangan

KAMPUNG ENDAH - Pelbagai pihak termasuk wakil rakyat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat hadir menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran di Kampung Endah Rabu lalu.

Sebuah rumah pusaka dua tingkat separuh kayu yang diduduki pasangan suami isteri Arman Suhaidi Akip dan Marini Ibrahim itu hangus terbakar dan kesemua barang tidak dapat diselamatkan.

Penghulu Mukim Morib dan Kelanang, Sharif Ahmad berkata, buat masa ini pasangan terbabit tinggal di rumah saudara selain menerima kunjungan pelbagai pihak yang menghulurkan sumbangan.

Menurutnya, mangsa yang bekerja di sebuah kilang sawit di kawasan berkenaan turut bersyukur apabila menerima kunjungan orang ramai yang menghulurkan bantuan.

"Saya difahamkan Lembaga Zakat Daerah Kuala Langat turut turun padang menghulurkan wang tunai dan bakinya akan diberi dalam bentuk cek.

"Selain itu, pelbagai agensi dan pejabat wakil rakyat turut memberi maklum balas



Sharif (dua, kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Endah.

yang cepat dan hadir memberi sokongan moral kepada mangsa," katanya selepas mengadakan kunjungan bersama beberapa pihak di rumah mangsa.

Sharif berkata, beliau memohon kepada orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan bolehlah berbuat demikian namun gembira apabila dimaklumkan orang ramai yang menyaksikan kejadian

kebakaran tersebut dapat menyelamatkan sebuah kereta berhampiran rumah mangsa.

Katanya, inisiatif masyarakat yang prihatin perlu diteruskan supaya dapat lebih peka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka.

"Saya harap sangat penduduk tidak kira tinggal di rumah macam mana pun dapat meningkatkan keselamatan rumah mereka.

"Lebih bagus lagi, jika pendawaian semula di rumah yang sudah lama diduduki dapat dibuat bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku," katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan sebuah rumah di Kampung Endah musnah manakala mangsa kini tinggal sehelai sepinggang dan terpaksa menumpang teduh di rumah saudaranya.

Masalah laluan bahaya selesai

Kerja naik taraf, menutup longkang tepi sekolah telah siap sepenuhnya

TELOK DATOK - Hasrat Sekolah Rendah Kebangsaan Methodist, Telok Datok memohon mana-mana pihak untuk membantu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di hadapan sekolah tercapai apabila perkara itu telah diambil tindakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, MDKL mengambil inisiatif dengan menaik taraf longkang di tepi sekolah berkenaan termasuk kerja-kerja tambahan menutup longkang.

Menurutnya, permohonan itu telah dibuat sejak dua bulan lalu memandangkan murid-murid sekolah terdedah kepada bahaya.

"Saya sendiri telah turun padang melihat keadaan lalu lintas di situ, ternyata mem-

beri risiko kepada anak-anak yang melalui laluan itu.

"Sudahlah laluan pejalan kaki itu sempit, longkang pula tidak ditutup dan memberi masalah kepada mereka kerana terpaksa melalui di celah-celah kenderaan yang menggunakan laluan tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* selepas mengadakan tinjauan ke lokasi berkenaan semalam.

Chee Heng berkata, aduan yang turut diterima daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah berkenaan telah diberi perhatian bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku.

Katanya lagi, masalah itu timbul apabila laluan berjarak lebih kurang 50 meter tersebut menjadi rebutan ibu bapa menghentikan kenderaan mereka di kedua-dua be-



Laluan bersebelahan Sekolah Kebangsaan Methodist, Telok Datok yang sudah dinaik taraf.

lah jalan.

"Ini menyebabkan murid-murid yang berjalan kaki ke sekolah berdepan dengan risiko kemalangan.

"Memang saya pernah terima berita ada murid yang nyaris kemalangan akibat keadaan laluan yang sesak di waktu persekolahan," katanya.

Sementara itu, dengan siapnya pembinaan longkang ditambah penutup longkang telah mewujudkan satu jalan pintas yang selamat kepada



CHEE HENG

murid-murid.

Chee Heng berharap, sesi persekolahan baru nanti bakal memberi keselesaan kepada semua pihak untuk menggunakan laluan berkenaan dengan selamat.

Katanya, beliau berterima kasih kepada semua pihak yang bertungkus-lumus membantu menyelesaikan masalah tersebut.